

Kereta Elektrik Paling Mampu Milik di Malaysia, Proton e.MAS 5 Kini Dibuka untuk Tempahan!

- *Tempah Sekarang dengan Hanya RM99* di Pusat Jualan Proton e.MAS Seluruh Negara dan Nikmati Ganjaran Eksklusif yang menarik*
- *Proton e.MAS 5 ditawarkan pada anggaran harga RM60,000 – RM80,000, menjadikannya kereta elektrik paling mampu milik di Malaysia.*

NILAI, 5 Oktober 2025 - Proton New Energy Technology Sdn Bhd (PRO-NET), anak syarikat milik penuh PROTON, hari ini mengumumkan bahawa tempahan bagi Proton e.MAS 5 serba baharu, kereta elektrik paling mampu milik di Malaysia kini dibuka secara rasmi susulan siaran langsung pada 4 Oktober 2025.

Siaran langsung tersebut mempamerkan kereta elektrik paling mampu milik di Malaysia melalui segmen interaktif, demonstrasi produk secara langsung serta perkongsian pandangan daripada pakar automotif dan pempengaruh. Ia berjaya menarik perhatian penonton tempatan dan memupuk minat terhadap tempahan kenderaan elektrik kompak terbaharu dari PRO-NET ini.

Bermula dari jam 8.00 malam sehingga 10.30 malam, siaran langsung ini dikendalikan oleh Boss James dan Norreen Iman, serta menampilkan sesi soal jawab bersama wakil PRO-NET termasuk Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET, dan Puan Salawati binti Mohd Yusoff, Ketua Pegawai Penjenamaan PRO-NET.

572,725+ orang di seluruh Malaysia mengikuti siaran langsung ini melalui saluran rasmi media sosial Proton e.MAS serta platform sosial pempengaruh gaya hidup, pakar teknologi dan automotif. Ia membuka ruang kepada penglibatan lebih meluas dan interaksi secara langsung dengan orang ramai.

Anggaran Harga Kereta Elektrik Paling Mampu Milik di Malaysia telah Didedahkan

Detik yang paling dinantikan akhirnya tiba apabila anggaran harga Proton e.MAS 5 diumumkan pada RM60,000 – RM80,000, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai kereta elektrik paling mampu milik di Malaysia. Proton e.MAS 5 bukan sekadar sebuah kereta elektrik, tetapi direka untuk melengkapi gaya hidup rakyat Malaysia pada masa kini dengan padanan gaya, praktikaliti dan kelestarian. Orang ramai kini boleh membuat tempahan Proton e.MAS 5 dengan hanya RMXX dan berpeluang menerima Kad Proton e.MAS Touch 'n Go NFC edisi terhad yang diisi dengan RM100 di samping rebat tambahan sebanyak RM500 untuk bayaran tempahan*.

Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET berkata: “Dengan rekaan yang moden, dinamik pacuan roda belakang serta jarak pemanduan praktikal sehingga 325 km, Proton e.MAS 5 dicipta khas untuk rakyat Malaysia yang mahukan kereta yang mudah disesuaikan dengan kehidupan seharian mereka. Ia mempamerkan gaya, kepraktisan dan kelestarian. Kini dengan tempahan dibuka secara rasmi, kami menantikan lebih ramai rakyat Malaysia bersama-sama menyertai perjalanan menuju masa depan yang lebih lestari bersama kami.

Ringkas namun berkuasa, Proton e.MAS 5 hadir dengan gabungan teknologi pintar ATLAS OS, kemudahan pengecasan di rumah dan kos pemanduan bandar yang rendah. Ia sesuai untuk keluarga muda atau pasangan yang berkeinginan memiliki kereta elektrik pertama mereka, sama ada sebagai kereta utama atau kenderaan kedua. Dengan sokongan peta pengecasan langsung bersepadu daripada PRO-NET, e.MAS 5 memberikan pengalaman memiliki EV yang mudah, sentiasa berhubung dan berbaloi untuk semua.

Kecil pada Saiz, Canggih pada Teknologi dengan Ciri Terbaik dalam Kelasnya yang Mengatasi Jangkaan

Disokong dengan 10 + 10 dan 10 lagi kelebihan utama, Proton e.MAS 5 hadir dengan rangkaian ciri menyeluruh yang benar-benar membezakannya daripada EV lain dalam kelasnya. Daripada ruang simpanan inovatif,

** Tertakluk kepada Terma dan Syarat*

***Tawaran ini sah untuk 5,000 pelanggan pertama yang berjaya membuat pendaftaran Proton e.MAS 5*

EMBARGO SIARAN AKHBAR

4 Oktober 2025

Sabtu @ 10.30 p.m.



PRO-NET
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD

pengawal gear kristal, dan suspensi belakang multi-link, sehinggalah kepada pengecasan pantas DC, bateri berketumpatan tinggi dan arahan suara dalam Bahasa Inggeris serta Bahasa Melayu – Proton e.MAS 5 mengimbangi praktikaliti dengan teknologi terkini. Rekaan dwi-tona, lampu utama LED, sistem keselamatan ADAS, kamera 360 darjah, serta sokongan Apple CarPlay dan Android Auto turut menambah keselesaan, kemudahan dan saling berhubung, memastikan pengalaman pemanduan yang selamat, bergaya dan pintar di setiap perjalanan.

Tempah dengan hanya RM99* dan Nikmati Ganjaran Eksklusif.

Tempahan untuk Proton e.MAS 5, SUV elektrik kompak, kini dibuka. Pelanggan boleh mendaftar minat melalui laman web rasmi Proton e.MAS atau membuat tempahan terus di 42 pusat jualan Proton e.MAS di seluruh negara.

Untuk membuat tempahan, hanya bayar tempahan sebanyak RM99* dan nikmati ganjaran eksklusif berikut:

- Kad Proton e.MAS Touch 'n Go NFC edisi terhad yang diisi dengan RM100
- Rebate sebanyak RM500 untuk bayaran tempahan**

Lawati laman web Proton e.MAS dan ikuti saluran media sosial rasmi kami: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial) untuk maklumat lanjut.

#PROTONeMAS5 #MostAffordableEV #FreedomThatElectrifies #OwnYourSpace

-TAMAT-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu kebangsaan pertama Malaysia, sebagai sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam memacu penerimaan EV dan membangunkan ekosistem jenama ini, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah mobiliti mampan dengan tumpuan terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedarnya yang semakin berkembang, bersama perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh serta ekosistem yang lengkap, memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk INSPIRE CONNECTIONS dengan sentiasa menawarkan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan piawaian antarabangsa. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

** Tertakluk kepada Terma dan Syarat*

***Tawaran ini sah untuk 5,000 pelanggan pertama yang berjaya membuat pendaftaran Proton e.MAS 5*

EMBARGO SIARAN AKHBAR

4 Oktober 2025

Sabtu @ 10.30 p.m.



PRO-NET
PROTON NEW ENERGY TECHNOLOGY SDN BHD

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global

** Tertakluk kepada Terma dan Syarat*

***Tawaran ini sah untuk 5,000 pelanggan pertama yang berjaya membuat pendaftaran Proton e.MAS 5*